

UCAPAN ALUAN
Y.BHG. DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA MAJLIS RIANG RIA RAYA UniMAP
2 JULAI
DEWAN ILMU, UniMAP PAUH PUTRA

Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI DIRAJA

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Ibni Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, Canselor UniMAP, di atas perkenan Duli Tuanku berangkat hadir ke majlis ini.

Ampun Tuanku,

Patik mewakili sekalian Pengurusan Universiti Malaysia Perlis merafak sembah menjunjung kasih yang tidak terhingga atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar Duli berangkat hadir ke majlis pada pagi yang berbahagia ini .

Sesungguhnya keberangkatan Duli Tuanku menunjukkan keprihatinan Duli Tuanku terhadap program-program anjuran UniMAP sekaligus membuktikan kasih yang tidak berbelah bagi kepada patik warga UniMAP sekalian. Didoakan semoga Tuanku berdua serta seluruh kerabat Diraja sentiasa di dalam limpahan rahmat dan diberi kesihatan yang baik dari Allah Azza Wajjalla.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun.

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang hadir. Ampun Tuanku.

SALUTASI

Timbalan-timbalan Naib Canselor UniMAP,

Yang Berbahagia, Briged. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr.Kamarudin Hussin

Pegawai-pegawai Utama,

Penolong Naib Canselor,

Ketua -ketua Jabatan, Dekan-dekan

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Midhat Nabil Ahmad Salimi, Pengurus Kelab Kakitangan KUKUM

Wakil-wakil media, seterusnya

Warga UniMAP dan anakanda pelajar yang dikasihi,

ALUAN KATA

1. Alhamdulillah segala pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah Azza Wajjalla yang menggerakkan masa, hari dan bulan serta segala sesuatu dengan ketentuanNya. Hari dan malam silih berganti dan Dialah Yang Maha Mengetahui apa yang ada di dalam hati.
2. Terlebih dahulu, saya dan pengurusan tertinggi UniMAP ingin menzahirkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin kepada semua warga UniMAP yang hadir pada hari ini.

3. Tidak dilupakan jawatankuasa pengajur majlis pada hari ini, walaupun sibuk dengan tugasan selepas cuti Aidilfitri yang lalu, namun sempat meluangkan masa bagi memastikan majlis ini terlaksana dengan jayanya. Terima kasih diucapkan.

Hadirin hadirat sekalian,

PROGRAM SEPANJANG RAMADHAN 1439H

4. Selama sebulan kita berpuasa, menahan lapar dan dahaga serta perkara-perkara yang membatkannya demi untuk melaksanakan puasa yang sebenarnya. Di bulan puasa itulah semua umat Islam berpusu-pusu melakukan amal dan kebajikan menderma dan berkongsi kesenangan dan milik mereka dengan orang lain. Sedar tidak sedar, bulan puasalah yang banyak mendidik dan menginsafkan segala sikap dan perbuatan kita sesama manusia sekaligus meningkatkan nilai ketaqwaan kepada Pencipta kita iaitu Allah Azza wajalla.
5. Bagi menghayati erti Ramadhan Pusat Islam UniMAP dengan kerjasama jabatan-jabatan dan pusat-pusat pengajian telah menjayakan sambutan Ihya' Ramadan peringkat UniMAP sepanjang Ramadan lalu. Bagi yang menghulurkan bantuan kewangan untuk Infaq Ihya' Ramadan, terima kasih dan tahniah di atas sumbangan-sumbangan bagi mengimarahkan bulan penuh barakah itu.
6. Untuk makluman semua, pelbagai program telah dianjurkan bagi mengisi rohani warga UniMAP sepanjang Ramadhan antaranya Ceramah di Ambang Ramadan, Iftar Kubra UniMAP, Gotong royong Memasak Bubur Lambuk, Kuliah Dhuha Ramadan, Kuliah Dhuha Muslimat, Daurah Kitab, Ceramah Nuzul Al-Quran, Festival Nasyid, World Quran Hour, Kutipan Zakat Fitrah, edaran Juadah Berbuka Puasa, serta majlis-majlis berbuka puasa di surau kolej-kolej kediaman UniMAP.

7. Alhamdulillah dan tahniah saya ucapkan kepada Pusat Islam dan semua Pusat Tanggungjawab yang terlibat. Hanya Allah Azza Wajalla saja yang mampu membalas segala usaha dan penat lelah anda semua dalam memastikan Ihya' Ramadan peringkat UniMAP berjalan lancar.

Hadirin hadirat sekalian,

MAJLIS RIANG RIA RAYA UniMAP

8. Seperti yang kita ketahui, Majlis Riang Ria Raya 2018 merupakan acara tahunan UniMAP yang diadakan bagi memeriahkan kedatangan Syawal. Majlis yang berkonsepkan muafakat antara Pusat Tanggungjawab ini menyediakan 15 zon makanan tradisional Hari Raya.
9. Ini merupakan satu platform untuk kita mengeratkan silaturahim antara staf dan pelajar, memandangkan kampus UniMAP masih bersifat bertaburan di seluruh negeri Perlis. Dengan majlis seumpama ini, semangat kekeluargaan, persahabatan, dan perpaduan dapat diperkuuhkan lagi.
10. Adalah menjadi harapan saya agar majlis pada hari ini akan memberi peluang kepada semua warga UniMAP merapatkan silaturahim sambil menikmati juadah yang disediakan.
11. Secara tidak langsung ia dapat mewujudkan semangat kekeluargaan dan perpaduan sesama kita di samping menjadi pengubat rindu kepada keluarga dan kampung halaman terutamanya buat mereka yang tidak dapat pulang ke kampung beraya.
12. Ia juga memberi kesempatan kepada kita untuk saling bermaaf-maafan dan juga mengeratkan lagi ukhuwah yang sedia terjalin. Semoga Aidilfitri ini menjadi kesempatan terbaik untuk melupakan perselisihan dan persengketaan dalam menjalankan tugas masing-masing sebelum ini.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

PENUTUP

13. Akhir kata, marilah sama-sama kita teruskan jiwa kemenangan yang diraih hasil dari ibrah Ramadhan yang lalu dengan doa dan harapan agar UniMAP terus berkembang mekar untuk kesejahteraan sejagat. InsyaAllah.
14. Selamat menjamu selera kepada semua yang hadir dan semoga Syawal 1439H ini akan memberikan kemeriahinan yang berpanjangan buat kita semua.

Ampun Tuanku,

15. Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi ke bawah Duli Tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat hadir ke **Majlis Riang Ria Raya UniMAP** ini.

Patik sudahi dengan Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.